Mr. Speaker, Sir, the people of this country of various races love this country very much. Despite tests of loyalty which have been suggested from some quarters, I say that those tests of loyalty are not necessary, because the loyalty of the citizens of this country cannot be questioned. It has often been said that those who ask for Chinese education rights, those who say that this Government is not fair, are disloyal to this country. That is not the attitude to adopt. In fact, when this Report was published, what was the first thing we heard from the Minister of Education and others? We heard them say, "Let those who read this Report read it as loyal citizens of this country"—it is suggested that the loyal citizens of this country will accept it and that disloyal persons will criticise it? You started with a warning, but there are people who are not afraid of such warnings—either inside this House or outside this House, politicians and non-politicians. There are many who will exercise their legitimate rights.

Mr. Speaker, Sir, I say that there are only two recommendations which have some merit that is, free education, and the raising of school-leaving age. I am not touching on the practical application such as my Honourable friend, the Member for Seberang Selatan, has done with regard to teachers and other technical matters; but I wish to say this: the Review Committee was set up under circumstances which were very clear and which were very strong. Before the Parliamentary Elections, a crisis started in the M.C.A. and the Alliance organisation, a crisis which led to men like Mr. Too Joon Hing and others leaving the M.C.A. They are still alive in this country and one day they will tell us about the crisis which took place. There was pressure applied on the partners of the Alliance to include a review of the Education policy,

because the Razak policy was not implemented as it should have been implemented. It was causing unnecessary hardship; it was destroying Chinese culture. After great pressure, the manifesto of the Alliance included a clause saying that the education policy would be reviewed.

Mr. Speaker, Sir, the purpose of the Review Committee was to see how Article 152 of our Constitution could be brought into practical operation. It was not a review to destroy Article 152; neither was it a review intended to desecrate and take away the Chinese culture in this country. What has happened is exactly the opposite of what the M.C.A. leaders preached during the parliamentary elections, when they said, "See, we are good; we agree to set up a Committee to review the policy; don't worry; we will protect you." That was the theme song during the parliamentary elections, but what we have got is just the opposite. The people of this country of various races have asked for bread, but what do they get? They do not get even a stone.

Mr. Speaker: I do not like to interrupt you, but I would like to remind you of Standing Order 36 (10) which says:

"It shall be out of order to use—

... (c) words which are likely to promote feelings of ill-will or hostility between different communities in the Federation."

Enche' D. R. Seenivasagam: I assure you, Mr. Speaker, Sir, that I will not use words which are likely to promote feelings of ill-will or hostility.

Mr. Speaker: The word "ill-will" is very wide.

Enche' D. R. Seenivasagam: Mr. Speaker, Sir, I say that this matter of education policy is a matter of the language of each race and, as such, it is necessary for me to say why the Chinese want Chinese as a language to be preserved, why Malays want Malay as the National Language; and that, I say, won't create ill-will.

Mr. Speaker, Sir, throughout the history of Chinese education in this country, from the colonial days right up to now, they have constantly been asking for more grants-in-aid. During the colonial days they got something.

They have asked for more. The Alliance Government came into power, independence came, and with the introduction of the Razak Report, instead of their demands being met fairly, suddenly they get a somersault, and they do not get even what they got during the colonial days. That is the position of the new Report.

To sum up this new Report, I say that it is a betrayal of what the Constitution itself has set down for the protection of Chinese and Tamil cultures in this country and for the use of the Chinese language and the Tamil language in this country. I say that it is a Report which intentionally, by design, and by purpose, in one way or another, at every stage, from primary to secondary education, has found ways and means to block, to stop, to destroy, to take away, what little protection there has been under Article 152 of the Constitution for these two major races in this country. I have said at the commencement that we ask for the rejection of this Report; and I say that any Honourable Member of this House who holds Article 152 of the Constitution sacred, any Honourable Member of this House who holds that 70 per cent of the children at the age of 13 should not be let on to the streets of the country or sent to manual schools, will see that they should have a place in the secondary schools in this country if they pass their normal examination. I say that for any Honourable Member of this House who holds sacred in his heart that the right of each race is not only to preserve his culture, because that preservation of culture is done by the community itself. Article 152 of the Constitution does not say one word of culture; it says of language, and we must not get mixed up ourselves.

The culture of the race is preserved by the family, by the places of worship, by their heritage and by their background. That does not require very much assistance from either the Government or this Report. That is protected by the various individuals themselves, and the heritage of these people can never be destroyed in this land. But what we must protect in accordance with the Constitution is the

use of that language, and I am surprised that throughout this Report, the word "culture" has been used instead of the word "language". As the Honourable the Minister of Education, in moving this Report, ended up by saying in the middle of his speech:

"The Committee, Sir, examined this policy and its implementation so far with the greatest care, and the results are set out in Chapters II and III of this Report. My Committee came to the conclusion in the short time that has elapsed since 1956, the Razak policy has been implemented as faithfully and as successfully as finances and circumstances allowed, and that no fundamental changes in that policy are required."

Mr. Speaker, Sir, that is entirely inconsistent with the Report itself, because the Report of the new Committee is fundamentally different: so fundamentally different because, as I said, it destroyed what the Razak Report at least allowed to breathe. Then, the Honourable Minister said:

"Let no one say that these recommendations in any way threaten Chinese culture. Let it be remembered that the Government is now for the first time in history offering free primary education in Chinese."

Mr. Speaker, Sir, is it suggested that Chinese culture is protected by allowing free primary education for those people? Is it suggested that the culture of a race, of a community, is preserved in the primary schools? Is it suggested that the culture and the language—more important than all, that the language—of a race is preserved in the primary school? If that is so, then there is something fundamentally wrong, because the language of a race cannot be preserved in the primary school. It can only be preserved at the higher levels of education.

Mr. Speaker, Sir, it is a sad day for me to stand up here and speak about these matters which are very touchy, which are very controversial, which will make many people hot under the collar. But what has to be said has to be said. What has to be faced has to be faced. What the country and the world should know should be told, so that the country and the world shall know. Mr. Speaker, Sir, it is not only for the voters who voted for me that I speak here. It is also for all the voters, all the electors who supported all Members of the People's Progressive Party

of Malaya to sit here, and also for all those hundreds of thousands of voters who voted against the Alliance organisation in one way or another—and that is a very substantial body of persons—of course I exclude my Honourable friends from the Socialist Front because they will speak for themselves—but I speak for those who voted anti-Alliance or other organisations or for independents who did not come into this House. (*Interruption*). Mr. Speaker, Sir, I have been associated with the Malayan Party, who stands on exactly the same platform as the People's Progressive Party of Malaya stands on in this issue, and all that I say today goes equally for the Malayan Party of this country. Mr. Speaker, it is of course very significant that opinions on the education policy of a country will vary, and on certain other important issues as well. Sir, this policy as set out here can never be acceptable to the People's Progressive Party of Malaya and the Malayan Party for one good reason: that is, we believe in multilingualism. We believe that the official languages of this country should include Chinese and Tamil. That is the background, that is our policy, and once we believe in that policy, this recommendation obviously can never be acceptable to us. Therefore I say this, that it can never be acceptable to about three million Chinese living in this country. It can never be acceptable to leaders like Mr. Lim Lian Geok, who speak with authority on education in this country.

Enche' Sardon: Tuan Yang di-Pertua, saya mula² tadi tak patut bangun berchakap, tetapi oleh kerana mendengar daripada Ahli Yang Berhormat dari Bachok berkenaan dengan Bab 49 berkenaan pelajaran ugama di-ajar di-sekolah² rendah, dan begitu juga Ahli Yang Berhormat dari Ipoh yang menyebutkan tak payah-lah di-uji ta'at setia sa-saorang dalam Tanah Melayu ini dalam soal dasar pelajaran negeri ini, dan begitu juga dalam ucapan²-nya yang bernyala² dan bersemangat menyatakan kalau bagini dasar Kerajaan, maka Kerajaan bunoh Sekolah² China itu. Perkataan yang di-gunakan itu—*"to kill the Chinese Schools,"* ini satu perkataan yang sesiapa juga mendengar

akan berasa panas dan hangat. Kita dalam Rumah yang berhormat ini hendak mengambil fikiran serta mengambil pandangan dari segala segi dan pandangan orang ramai, dan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua sendiri telah pun tadi mengingatkan Yang Berhormat Ahli daripada Ipoh jangan keluar batasan, saya tidak akan memulakan lagi perkara² ini; chuma saya hendak terangkan sahaja. Dalam soal dasar pelajaran Tanah Melayu ini yang mana sangat² penting yang kita mempunyai satu bahasa, bahasa Melayu ia-itu bahasa Kebangsaan dan Kerajaan Perikatan tidak zalim, tidak menahan yang lain² bangsa tidak boleh belajar atau tidak boleh berchakap bahasa-nya, dan kita memberi peluang dalam tempoh 10 tahun sa-lewat²-nya. Oleh kerana itu, pada hari ini dasar pelajaran Kerajaan Perikatan yang telah dapat persetujuan orang ramai yang memilih parti perikatan tidak sabagaimana yang di-katakan oleh wakil Ipoh tadi (*mandate-nya sendiri*). Pilihan raya yang pertama telah mendapat 100 peratus kuasa daripada pehak orang ramai yang di-berikan kapada kita, bukan sahaja untuk kemerdekaan, tetapi mahu menjalankan pemerintahan yang 'adil dalam negeri ini serta mengekalkan keamanan dan kema'moran dengan jalan menyatu padukan satu fikiran, satu bangsa dalam negeri ini supaya negeri ini aman damai dan ma'mor. Tetapi, di-sebalek-nya saya berasa dukachita, kalau-lah PPP—kita tidak menapikan wakil daripada gulungan dari Ipoh sahaja barangkali yang mendapat sokongan sebahagian kecil daripada orang² China, tetapi hendak mengatakan bahawa kami PPP tentulah mendapat sokongan dari 3 million China dalam negeri ini dan hendak mempengaruhi Kerajaan. Pengakuan-nya yang kosong, pengakuan yang tidak benar; kalau pun ada daripada sa-gulungan China yang kecil di-negeri ini. Ini ada-lah menghasut sokongan dari satu pehak China supaya jangan menyokong Kerajaan dan memanaskan pehak orang² Melayu.

Saya berharap baik apa parti juga sekali pun bahawa dasar pelajaran—education policy, dalam soal yang hendak mengatakan sa-suatu . . .

Mr. Speaker: Nanti sekejap! Saya ada mendengar tadi yang dia berchakap tidak mengatakan parti dia menyokong orang China 3 million.

Enche' Sardon: Tidak—ia mengatakan 3 million China fahaman dia—ma'na-nya tahu

Mr. Speaker: Tidak—dia kata China yang 3 million itu menyokong parti dan fahaman-nya; itu saya mengingatkan!

Enche' Sardon: Terima kaseh, tetapi Yang Berhormat itu mengatakan, saya perchaya bahawa China yang 3 million itu bersetuju tidak boleh bahasa Melayu di-jadikan bahasa yang tunggal, kerana Party PPP memahami yang dia mahu semua bahasa dalam Tanah Melayu ini menjadi bahasa resmi.

Mr. Speaker: Itu boleh.

Enche' Sardon: Terima kaseh. Jadi, kalau begitu-lah dasar PPP walau sampai hari kiamat pun pehak Party PPP dan penyokong-nya tidak sesuai dengan fahaman orang ramai pertama sekali orang² Melayu di-Tanah Melayu ini. Di-sini, saya tidak akan panjangkan perchakapan saya, tetapi saya minta Yang Berhormat walau daripada apa parti, apa bangsa juga, apa ugama, mari-lah kita bersama² memberi pandangan dan fikiran yang boleh sesuai kepada orang ramai untuk membolehkan dan memberi keuntungan kepada ra'ayat negeri ini daripada berbagai bangsa dan ugama.

Saya minta daripada semua parti, dan di-sini saya ucapkan "*shabbas*" kepada Parti PAS Malaya. Yang Berhormat wakil Besut telah bangkit walau pun ada penerangan² yang lanjut dan ada juga soal titek bengik, tetapi dasar yang di-soalkan itu di-sokong, di-persetujui supaya di-lekas-kas dasar itu supaya yang lain dapat mengikut-nya. Ini saya sangat²-lah memberi pandangan dan mengucapkan tahniah, dan juga pehak daripada Bachok yang mengambil masa satu dua jam berchakap, tetapi saya suka juga menyentuh berkenaan dengan pelajaran ugama di-sekolah² Kebangsaan. Yang Berhormat itu membaca hanya-lah para 291, tetapi para 292 yang berikut tidak di-bachakan dan tidak di-fahamkan. Dalam muka 48 mengatakan apa-lah hendak di-lama²kan

berkenaan dengan soal² murid² Islam yang di-ajar—bahasa ugama memakan belanja \$14 ia-itu di-bahagi dua—Federal \$7 dan Kerajaan Negeri \$7—jalankan sahaja-lah. Tetapi, ini bukan fasal lekas hendak di-jalankan, malah kita pada hari ini mempunyai Perlembagaan, Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang kita telah pun mengesahkan dan mengakui bahawa soal ugama itu ia-lah di-serahkan kepada tiap² negeri yang mana Duli² Yang Maha Mulia Raja² Melayu menjadi Ketua-nya yang bertanggung jawab dalam soal ugama, dan soal adat resam Melayu. Dan dalam persidangan Raja² Melayu juga berkuasa atau memutuskan atas soal dasar besar mengenai pelajaran ugama di-dalam Negeri² Melayu itu.

Jika Kerajaan Persekutuan hendak lekas menjalankan sa-suatu soal itu dengan tidak berunding dengan negeri masing² dan mereka bekerjasama dengan Persekutuan, tentu-lah lebeh lama lagi hendak di-jalankan. Di-sini, para 292 yang mana Jawatan-Kuasa ini telah menimbangkan dengan suatu perkara itu sehalus² dan teliti-nya ia-itu tidak ada lain selain dari bekerjasama dan berunding sama² menanggung separoh perbelanjaan pada penuntut Islam tiap² sa-orang yang memakan belanja \$14.00.

Saya berharap dan berseru kepada pehak Parti PAS yang mana negeri Kelantan dan Trengganu negeri yang di-perintah oleh Parti PAS supaya dapat memberikan sokongan penoh menguntokan wang itu supaya guru² ugama lekas dapat di-laksanakan dan mereka itu dapat mengajar ugama kepada murid² Islam di-sekolah² Kebangsaan.

Saya tidak akan memanjangkan chakap lagi, hanya-lah saya minta Ahli² Yang Berhormat sekalian dalam perbahathan soal dasar pelajaran ini agar dapat menimbangkan dengan sehalus²-nya dan tidak-lah hanya membawakan fahaman daripada satu puak parti atau fahaman, tetapi hendak-lah di-pandang dari segi *national interest*, dan saya berseru sekali lagi supaya soal *loyalty* mesti kita mahu betul² menghadapi-nya. Jika

sa-saorang itu hanya bibir-nya berchakap ta'at setia kepada negeri dihati-nya tidak demikian, maka tidaklah ada guna-nya pengakuan itu dan apa juga kata² sa-orang yang semacam itu tidak-lah boleh di-pakai baik dari segi kepentingan bangsa dan negara, keamanan dan kema'moran. (*Tepok*).

Enche' Liu Yoong Peng (Rawang):

Mr. Speaker, Sir, I rise to oppose this Report because I see in this Report the story of a tragedy of the peoples in this land. The people of Malaya devoted their heart to fight for the building up of a nation in this country and in doing so we have already got our independence. But now having got the independence, we find that, take the government political party for example, the composition of which is the M.C.A., the U.M.N.O. and the M.I.C., from this composition it is clear that originally peoples of three distinct racial groups were co-operating together to work for a common cause. Now we find that the M.C.A. has already lost the backing of those people who helped that party to fight for and win the independence, the reason being that the U.M.N.O. section has betrayed . . .

Mr. Speaker: I rule you out of order under Standing Order 36. Will you sit down when I talk? Will you look up your S.O. 36 (10) (c), it says: "It shall be out of order to use words which are likely to promote feelings of ill-will or hostility between different communities in the Federation." I warn you that next time you must not use words which are likely to promote feelings of ill-will or hostility. You must be very, very careful. Proceed!

Enche' Liu Yoong Peng: Yes, Mr. Speaker. It is not my intention to promote ill-will. I am merely trying to explain a fact which is in existence in Malaya, but I would be careful not to give even any presumption of ill-will.

Mr. Speaker: Yes.

Enche' Liu Yoong Peng: So, we know that the Government today in its education policy has, instead of regarding the Chinese and Tamil languages as closer to the Malay language, chosen closer association with the English language. We can see clearly from this

Education Report that it is an act of cultural subversion on the part of an element that is quite foreign to the peoples in this country. I say this because of what I understand from the Report itself as well as from the speech made by the Minister of Education yesterday, when he repeatedly emphasised the importance of national education in this country. He said that he was conscious of the importance of national education in this country and then he said that the national language is one of the main objectives in our country. Despite these words, we find that in effect it is not the National Language which this Report is trying to emphasise in the immediate future. I fail to understand why 1962 is given as the time limit in which the partially aided Chinese secondary schools should have to determine whether they are going to go into the national stream or not, because quite clearly by that date the Government is not in a position to provide sufficient qualified teachers and textbooks and thereby to give these schools an opportunity to conduct their instruction in the National language. In other words, it only means that these partially aided Chinese secondary schools are to choose either to remain as Chinese schools or to become English schools. That is why I say, Sir, that loyal citizens of this country fail to understand why the Government shows such a favour towards a language which is quite foreign to this country—people who fought so hard for the Merdeka of this country see now that the Government is in fact favouring those people whom they had fought hard to get the independence from.

Mr. Speaker, Sir, I wish to illustrate my point further by saying that the Government in this Educational Report is trying to put the cart before the horse, and in doing so it has got a donkey in between. This donkey, I submit, Sir, is the English language and the cart, of course, is the national schools and the horse the National language. But because the horse is not sufficiently trained, it has to seek the assistance of the donkey to pull the cart. So, in this way, this Education Report is not satisfactory and does not meet the needs of the citizens in this country.

Therefore, I say, Sir, I am suspicious of a strange situation arising in this country, which has been well illustrated by the Assistant Minister for Broadcasting some time back when he referred to what happened in Radio Malaya. In fact, he said that expatriate officers in Radio Malaya have been deliberately trying to utilise the facilities in Radio Malaya.

Mr. Speaker: How is that relevant to the motion before the House?

Enche' Liu Yoong Peng: I will explain, Sir.

Mr. Speaker: I don't see any relevancy at all.

Enche' Liu Yoong Peng: The relevancy is that cultural subversion is going on in this country.

Mr. Speaker: That is not the motion before the House. The motion before the House is: "That this House approves in principle the policy recommended in the Report of the Education Review Committee, 1960." That is the motion before the House.

Enche' Liu Yoong Peng: I fully realise the motion before the House, Sir. What I wish to say is that this Report is done by people who actually have the intention of making the importance of the English language continue in this country. We understand, Sir, that in preparing this Report, the Government had to rely extensively on the assistance of the Secretaries in the Ministry of Education—in fact it was done entirely by them after the committee meetings together with their stenographers. Therefore, Sir, I should think that in the drafting of this Report the expatriate officers involved had an excellent chance of putting their view across in such a way that we now find that the English language is given undue prominence contrary even to the wishes of the Education Minister himself who wants to see the promotion of the National language. If this Report goes through, I would submit that in the future the chances of the National language to be used solely would be lessened, because of the undue emphasis on education in the English language.

Enche' Mohamed Dahari bin Haji Mohd. Ali (Kuala Selangor): Dato' Yang di-Pertua, pada Kerajaan Perikatan Penyata yang ada di-hadapan kita sekarang ini boleh di-umpamakan saperti peri bahasa kita, "sakali mengurak pura, dua tiga kali hutang lang sai". Dato' Yang di-Pertua, ini adalah kerana dalam Penyata ini Kerajaan Perikatan akan menunaikan janji-nya berkenaan dengan pelajaran dalam masa pilihan raya yang sudah. Saperti sama² kita ketahui menifesto Perikatan dalam pilihan raya yang sudah, Kerajaan ini akan berusaha ka-arrah menaikkan had umur murid² berhenti sekolah kapada 15 tahun dan membanyakkan lagi Sekolah² Menengah, sekolah² vocational dan mengadakan kemudahan² yang lebeh luas untuk mempelajari bahasa² dalam semua jenis sekolah dalam negeri ini. Perikatan juga berjanji, Dato' Yang di-Pertua, bahawa sa-rentak dengan itu ia tidak akan membantut perkembangan kebudayaan dan bahasa segala rupa bangsa yang tinggal dalam negeri ini. Dato' Yang di-Pertua, semua-nya ini ada-lah mendapat jaminan daripada Penyata yang ada di-hadapan kita ini.

Shor yang paling penting pada pendapat Jawatan-Kuasa ini ada-lah menaikkan umur anak² sekolah pada 15 tahun dan Fasal 103 daripada Penyata ini kalau saya tidak silap menyatakan bahawa perkara ini-lah yang mesti di-segerakan terlebih dahulu daripada shor² yang lain. Dari segi orang² Melayu, tegoran² yang telah dibuat dalam Rumah Yang Berhormat ini tidak-lah sa-bagitu hebat saperti tegoran² yang di-buat oleh sa-bahagian kaum tepelajar kita yang terapong² di-awangan², kaum tepelajar itu menudoh Penyata ini tidak ada memberi kemudahan bagi anak² kita di-kampong² mendapat pelajaran Sekolah Menengah.

Fasal 48 Penyata ini berkata bahawa keutamaan harus-lah di-berikan pada tahun² hadapan untuk menambah lagi Sekolah Lanjutan Kampong. Dan Fasal 206 ada menyatakan Sekolah Lanjutan Kampong yang akan membuka peluang kapada anak² kita di-kampong masok pepereksaan Sijil Rendah Pelajaran harus-lah di-tambah jumlah-nya lima kali ganda daripada jumlah yang ada sekarang. Murid² yang keluar daripada

sekolah ini akan di-beri juga peluang masok ka-Sekolah Technical Institute.

Fasal 89 (a), mengatakan satu jenis Sekolah Menengah yang baharu yang di-beri nama Sekolah Pelajaran Lanjutan hendak-lah di-adakan bagi menampung 70% daripada anak² kita yang tidak dapat masok Sekolah Menengah saloran akademik. Perubahan ini, Dato' Yang di-Pertua, ada-lah dalam bidang usaha menaikkan had umur murid² berhenti sekolah kepada 15 tahun. Jadi, Dato' Yang di-Pertua, kalau di-fikirkan daripada jumlah 4,684 sekolah yang mendapat bantuan Kerajaan 2,338 adalah Sekolah Kebangsaan dan sa-bahagian besar daripada Sekolah Kebangsaan itu ada-lah terletak di-kampung² maka murid² sekolah itu akan ditampung oleh Sekolah Lanjutan Pelajaran itu. Tudohan² kaum tepelajar yang terapong di-awang² ini tidak berasas bahkan tidak bertanggung jawab semua sa-kali kerana hendak mengabui mata ra'ayat dengan usaha baik Kerajaan Perikatan.

Dato' Yang di-Pertua, dewa² ini menyatakan bahawa anak² di-kampung perlukan Sekolah Menengah yang menggunakan bahasa Kebangsaan yang dapat menyalorkan sa-bahagian daripada mereka itu kepada peringkat University. Pada pendapat saya kenyataan orang² kayangan ini, Dato' Yang di-Pertua, ada-lah berlawanan dengan hujah² yang di-berikan oleh mereka itu. Sakira-nya orang² kayangan ini hendak melihat sa-bahagian daripada anak² kampung kita masok ka-peringkat University maka tidak dapat tiada anak² yang ber-geliga otak-nya itu terpaksa masok ka-dalam Remove Class yang bahasa pengantar-nya bahasa Inggeris kerana University dalam negeri ini dan University di-seberang laut ada-lah mengambil anak² yang berpengetahuan, yang kelayakan-nya ada-lah seperti kelulusan yang boleh kita dapati daripada Sekolah Menengah Kebangsaan jenis Inggeris. Hatta University di-Indonesia sa-buah University rasmi, bukan partikulier kata orang di-sana, menghendaki anak² kita yang masok ka-dalam-nya hendak-lah lulus kepada peringkat pelajaran yang sa-rupa seperti peringkat pelajaran yang di-dapati dalam Sekolah² Menengah Kebangsaan

jenis Inggeris. Jadi kita tidak dapat lari daripada kenyataan, Dato' Yang di-Pertua. Kerajaan Perikatan telah mengadakan kemudahan pelajaran yang seperti itu sekarang yang dapat pada sekolah Tuanku Abdul Rahman.

Dato' Yang di-Pertua, tuduhan itu di-buat dalam satu Akhbar Kebangsaan Melayu yang di-terbitkan di-Persekutuan Tanah Melayu. Akhbar itu juga memuatkan satu tuduhan oleh satu pertubohan yang kalau saya ta' silap bernama "KUBU". Dalam tuduhan-nya, mengikut orang² yang hampir dengan Pertubohan itu pertubohan tersebut tidak mempunyai ahli sampai 50 orang atau kurang satu chawangan U.M.N.O. tuduhan mengatakan bahawa Penyata ini mengabaikan perkembangan Bahasa Kebangsaan, tidak tegas dalam membuat shor² berkenaan dengan melaksanakan Bahasa Kebangsaan. Saya tidak-lah tahu apa-kah Pertubohan itu membuat tuduhan tersebut berdasarkan kenyataan chabutan² daripada Penyata ini yang mula² tersiar dalam Akhbar Kebangsaan Melayu yang di-terbitkan di-Persekutuan Tanah Melayu itu. Sayang, Dato' Yang di-Pertua, Akhbar Kebangsaan Melayu yang di-terbitkan di-Persekutuan Tanah Melayu itu tadi menyiarkan sedikit lengkap Penyata tersebut pada hari kelmarin. Saya ta' tahu-lah kerana tidak lengkap-nya di-terbitkan pada hari mula² di-siarkan maka Pertubohan "KUBU" ini membuat satu tuduhan yang saya rasa adalah satu tuduhan yang melulu.

Lagi satu perkara, Dato' Yang di-Pertua, saya chuma hendak membayangkan beberapa shor yang ada dalam Penyata ini yang bertujuan hendak mengembangkan Bahasa Kebangsaan dalam negeri ini. Pertama ialah mewajibkan bahawa bahasa Melayu di-ajar di-semua sekolah jenis kebangsaan mulai darjah I. Kedua, mengadakan saloran² kebangsaan di-sekolah yang dahulu-nya Sekolah Inggeris mulai tahun 1961.

Pelajaran perchuma kepada semua kanak² yang belajar dalam Sekolah Kebangsaan dari peringkat rendah hingga ka-peringkat menengah. Dalam jangka panjang bahasa penghantar dalam semua Sekolah Pelajaran Lanjutan akan di-adakan dalam bahasa

Kebangsaan. Pepereksaan resmi dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

Guru² yang bukan Melayu akan diberi kursus bahasa Kebangsaan sahingga mereka dapat mengajar dalam bahasa Kebangsaan peringkat darjah III sa-kurang²-nya. Scheme of Services Kerajaan akan di-pinda, akan di-sesuaikan dengan perkembangan bahasa Kebangsaan. Apa-kah ini shor² yang bukan belom tegas lagi?

Sekarang soal-nya, Dato' Yang di-Pertua, ada-kah Penyata Pelajaran ini dapat di-terima oleh ra'ayat. Dalam penyata ini menyatakan bahawa kita tidak dapat memuaskan hati semua orang. Ukoran apa-kah penyata ini boleh di-terima oleh ra'ayat seluruh-nya ada-lah bergantung kepada apakah penyata ini 'adil atau tidak.

Tuduhan telah di-buat dalam Rumah ini, chuma sa-buah parti sahaja yang menyeru supaya penyata ini di-tolak sama sekali. Yang Berhormat ahli dari Besut yang mempunyai anggapan sa-olah² saperti tuduhan pertubohan "KUBU". Ini saya tak tahu-lah ada-kah beliau itu sa-orang pertubohan anggota itu ada-lah menerima penyata ini pada dasar-nya.

Ahli Yang Berhormat dari Seberang Selatan dan Ahli Yang Berhormat dari Seremban Timor tidak menyatakan bahawa penyata ini tidak 'adil. Saya tidak-lah tahu pendirian Ahli Yang Berhormat dari Rawang, apa-kah ia sesuai "toe-the-line" dasar parti-nya ada-lah terserah kepada parti-nya memikirkan, tetapi Ahli Yang Berhormat itu bukan juru chakap parti-nya. Saya mengambil ingatan kepada Ahli Yang Berhormat Seberang Selatan yang mula² berchakap tadi ada-lah berchakap bagi parti-nya. Jadi chuma sa-buah parti sahaja yang menolak penyata ini ia-itu Party PPP yang diketuai oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh. Ahli Yang Berhormat dari Ipoh mengemukakan alasan² berdasarkan kepada Perlembagaan (Constitution). Alasan² perlembagaan ini boleh di-bahathkan berlarut² masa-nya. Ahli Yang Berhormat itu ada-lah menolak sama sekali, erti-nya dia menolak faktor yang saya katakan tadi ia-itu faktor hendak menaikkan umur anak²

sekolah ini pergi ka-sekolah hingga ka-peringkat umur 15 tahun dan juga menolak pelajaran perchuma, ter-masok-lah anak² China yang dia menjadi jagoh-nya.

Dato' Yang di-Pertua, tak usah-lah kita usek tentang fikiran yang kita dapat daripada Ahli Yang Berhormat dari Ipoh itu. Soal-nya ia-lah bila masa membuat tegoran terhadap penyata ini, Ahli Yang Berhormat dari Seberang Selatan bertanya kepada kita apa-kah kita akan mengadakan pelajaran se-chara kita orang Malaya, atau sechara orang Inggeris apakala beliau membuat tegoran ka-atas pelajaran Sekolah China. Saya suka bertanya bahawa apa-kah kita juga dan apa-kah beliau itu berpendapat dengan parti pembangkang yang lain ia-itu Party PPP yang mana hendak menggalakkan dan maseh juga menghendakan chara fikiran Malaya, chara berfikiran Inggeris, Tamil dan China dalam masharakat kita yang ada sekarang.

Saya tak tahu-lah apa-kah hujah Ahli Yang Berhormat dari Seberang Selatan itu ada kait-mengait untuk mengekalkan undi China dalam parti-nya supaya takut lari undi² itu kepada Parti PPP, tetapi

Mr. Speaker: Saya hendak mengingatkan lagi bahawa dalam Standing Order ini ada menyebutkan sa-saorang itu tidak boleh memberi chakapan-nya yang boleh memberi salah sangka kepada orang² lain—itu tak boleh—"improper motives" bahasa orang puteh-nya, dan "it is not in order". Tolong jaga sedikit!

Enche' Mohamed Dahari bin Haji Mohd. Ali: Baik, Dato' Yang di-Pertua, terima kaseh. Ahli Yang Berhormat dari Seberang Selatan yang membuat tegoran-nya terhadap susah-nya sa-saorang murid itu menukarkan bahasa perantaran-nya ia-itu daripada bahasa China ka-bahasa Melayu dan Inggeris. Ini-lah yang telah di-lakukan oleh murid² sekolah Melayu yang masok ka-sekolah Inggeris dari semanjak sa-below perang dahulu ter-masok Ketua Ahli Parti Socialist Front ia-itu Ahli Yang Berhormat dari Setapak.

Enche' V. Veerappen: I did not mention about the change of language . . .

Mr. Speaker: When you stand up, you must mention the point of order, quoting the number of the Standing Order. You cannot simply stand up and say anything.

Enche' V. Veerappen: On a point of explanation, Sir.

Mr. Speaker: Are you giving way?

Enche' Mohamed Dahari: I do not wish to give way.

Mr. Speaker: He doesn't give way. Please proceed!

Enche' Mohamed Dahari bin Haji Mohd. Ali: Ada tegoran terhadap menaikan bayaran Sekolah Menengah. Menurut penyata ini, menurut ibu bapa yang tak mampu. Saya fikir ibu bapa yang tak mampu hendak-lah memasokkan anak-nya ka-sekolah saloran kebangsaan, kerana dalam sekolah saloran kebangsaan itu dia bukan sahaja mendapat pelajaran perchuma sekolah rendah, tetapi pelajaran perchuma hingga ka-peringkat menengah.

Enche' Tajudin bin Ali (Larut Utara): Tuan Speaker, Tuan, "Bahasa Jiwa Bangsa" saya bangun menyokong dengan kuat-nya usul yang di-majukan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran. Tuan Speaker, Tuan, kalau kita ada bangsa, mesti ada bahasa dan begitu-lah kedudukan negara yang bebas dan merdeka ini. Di-sekeliling negeri kita ini, kita perhatikan banyak negeri yang telah mendapat taraf kemerdekaan telah timbul bermacam² rusohan, soal pokok-nya ia-lah bahasa. Malaya ini telah menjadi mangsa Kerajaan Kolonializam, kalau-lah ditanya fikiran saya, Tuan Speaker, masa pemerintah kolonial dahulu, kalau Kerajaan masa itu benar² hendak menyatu-padukan segala bangsa ia-itu orang² Melayu, China, Tamil dan lain² ka-araf satu rupa bangsa ia-itu Inggeris, saya rasa sa-lepas merdeka ini, orang² Melayu tentu-lah tidak sakali² keberatan menerima Inggeris sabagai rupa bangsa Persekutuan Tanah Melayu ini. Tetapi kita sakalian faham ada-lah bahasa yang di-tutorkan dan yang di-fahami oleh bangsa² di-Tanah Melayu pada masa ini ia-lah bahasa

Melayu. Itu-lah sebab-nya kita hendak membentok satu bahasa, satu bangsa dengan menggalakkan sedikit demi sedikit bangsa² asing itu mempelajari bahasa Melayu; perkara ini sangat rumit.

Oleh sebab rakan saya telah berchakap dengan panjang lebar di-atas perkara ini, saya chuma hendak menyentoh sedikit sahaja ia-itu Ahli² Yang Berhormat daripada pembangkang, terutama rakan saya daripada P.P.P. yang telah berapi² berchakap di-atas perkara ini. Tuan Speaker, Tuan, kalau-lah perchakapan itu di-majukan di-Indonesia dan di-negeri Siam, saya rasa tidak sempat siang pun, hukuman-nya akan sampai (*Ketawa*). Tuan Speaker, oleh sebab di-Tanah Melayu ini ia-lah di-tadbirkan oleh Kerajaan Perikatan yang chara pemerentahan-nya mengikut dasar demokrasi yang sa-benar-nya, kami mahu tegoran² yang terator untuk membena negara kita ini. Saya geli hati apabila Ahli Yang Berhormat dari Ipoh mengatakan perkara ini akan menjadi satu masa'alah yang besar pada masa yang akan datang, kebanyakan tegoran Ahli Yang Berhormat itu berkenaan dengan pelajaran di-sekolah² China. Saya hairan, kerana rakan saya itu ia-lah sa-orang India, kalau ia hendak memajukan perkara ini tentu-lah ia memajukan di-atas hal orang India, tetapi ia bertalu² berchakap fasal orang² China, dan ia menyalahkan orang² India yang tidak mengemukakan perkara ini dengan sa-jelas²-nya kepada Jawatan-Kuasa yang di-lantek itu. Saya takut perchakapan, hujah yang di-binchangkan-nya itu "Ada udang di-sa-balek batu".

Kalau ada orang yang hendak berchakap fasal orang China, tentu-lah orang² yang saperti Yang Berhormat Dato' Dr. Cheah Toon Lok, Tun Tan Cheng Lock atau pun rakan saya yang di-sabelah saya ini Yang Berhormat Dr. Lim Swee Aun, tetapi orang India pula yang berchakap fasal bahasa China, ini 'ajaib, saya serahkan perkara ini untuk pengetahuan Tuan Speaker dan rakan² saya sakalian. Tuan Speaker, Tuan, kemudahan² telah di-susun dan di-ator dengan baik-nya oleh Jawatan-Kuasa yang di-lantek

mengkaji Dasar Pelajaran ini ada-lah menyatakan dengan terang-nya ia-itu bahasa lain itu boleh di-pelajari dalam Persekutuan Tanah Melayu ini.

Ahli Yang Berhormat dari Seberang Selatan menyatakan soal pelajaran ini ia-lah satu masa'alah yang berapi, saya rasa perkara ini tidak berapa benar, kalau dia tidak mengapi²kan, perkara api ini tidak akan timbul, kalau ada, mereka-lah yang mengapi²kan-nya. Saya suka hendak menyentoh ucapan Ahli Yang Berhormat dari Bachok ia-itu berkenaan "Automatic Promotion" di-muka 27. Pada pendapat saya yang sengkati ini, "Automatic Promotion" ini memang baik, kerana chara²-nya baik, tetapi ada-kah atoran² yang telah di-beri oleh Kementerian itu di-jalakan dengan baik atau tidak, terpulang-lah kepada sekolah itu masing², kerana saya dapati ada sekolah² itu bukan sahaja mengadakan peperiksaan pada penghujung tiap² tahun bahkan tiap² minggu; ini terserah-lah kepada guru² sekolah itu masing². Ahli Yang Berhormat itu juga menyebutkan berkenaan dengan "Technical Schools" di-Paragraph 253 ia-itu budak² yang lulus dalam geography dan history patut-lah di-galakkan masuk di-Sekolah Teknikal, tiap² sekolah yang hendak mempelajari sa-suatu itu, terserah-lah kepada "curriculum"-nya sendiri, umpama-nya hendak masuk Sekolah Teknikal, kelulusan mathematics dan science sangat-lah perlu kalau tidak budak² yang masuk sekolah itu akan kechiwa.

Tuan Speaker, Tuan, sa-bagaimana yang saya sebutkan pada mula-nya tadi ia-itu saya tidak hendak berchakap panjang. Saya mengambil peluang ini mengucapkan sa-tinggi² tahniah kepada Ahli² Jawatan-Kuasa Menyemak Dasar Pelajaran ini yang telah menyusun dan mengatorkan serta memberi puas hati kepada sa-bahagian daripada penduduk Persekutuan Tanah Melayu ini. Di-sini saya ada membawa surat khabar yang menyatakan pihak orang China pun berpendapat "Review Committee" ini memberi puas hati pada umum-nya. Jadi, Tuan Speaker, penduduk² negeri ini yang berchadang hendak melihat satu rupa bangsa, satu rupa bahasa,

segala perchakapan dan tegoran itu hendak-lah daripada hati ka-hati, jangan sa-kali hendak-nya membuat tegoran dengan tidak bertanggung-jawab langsung.

Che' Khadijah binti Mohd. Sidik (Dungun): Tuan Yang di-Pertua, di-sini saya menyatakan persetujuan pada asas-nya kepada Report ini tetapi; ada tetapi-nya, Tuan Yang di-Pertua, sa-sudah saya menilik dan memerhatikan isi daripada Report ini, saya merasa sangat dukachita sa-kali kerana kami merasa bahawa kami pihak perempuan atau anak² perempuan di-anak tirikan oleh Kementerian Pelajaran di-dalam Report-nya ini. Kerana tidak ada terchatet atau tertulis ia-itu sekolah yang sangat penting bagi anak² perempuan kita ia-itu Sekolah ke-Rumah-Tangga. Tuan Yang di-Pertua, saya sangat merasa hairan sa-kali kenapa maka pihak Kementerian Pelajaran tidak sedikit pun mengambil berat terhadap anak² perempuan di-dalam tanah ayer kita ini. Sudah beberapa kali dalam Dewan ini pada masa yang silam, saya menyuarakan soal itu dan pada satu masa telah di-beri jawapan dengan chara gelak ketawa, saya merasa saya sangat di-rendahkan oleh Menteri Pelajaran dahulu yang ia-nya sekarang telah menjadi Menteri Perdagangan dan Perusahaan. Beliau memberi jawapan kepada saya, itu-lah kata-nya, "segala Yang Berhormat² di-dalam Dewan ini akan berserta dengan saya ia-itu kita tidak boleh melupakan wanita, kalau kita melupakan wanita, kita akan mati". Tetapi penjawapan itu tidak berdasarkan penjawapan kepada tuntutan saya supaya beliau mengambil perhatian yang berat kepada sekolah² anak perempuan dalam negeri ini. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Sekolah Rumah Tangga ini sangat penting kerana di-sini anak² kita yang berkelulusan School Certificate terpaksa dia mengambil Diploma Rumah Tangga di-luar negeri hanya di-antara mereka yang pergi di-Australia, ada di-antara mereka pergi ka-England sana untuk mengambil Diploma itu. Kenapakah tidak boleh di-adakan sekolah yang demikian rupa ini khas-nya untuk anak² perempuan di-kampung² dan juga di-dalam bandar² di-dalam negeri kita ini. Chuma saya terbacha semua

sekolah² yang ada di-dalam Report ini hanya-lah di-untokan kepada anak² lelaki sahaja. Memang ada Sekolah Rendah yang berchampur dengan anak² perempuan tetapi Sekolah Rumah Tangga ini ada-lah satu didekan jiwa untuk anak² kita yang anak² perempuan kita lepas dari Sekolah Rendah kebanyakan tidak berpuluh ribu malah beratus ribu yang terlantar dalam kampung², Tuan Yang di-Pertua, kema-mahu di-alirkan. Mereka tidak mengetahui soal rumah tangga. Ini-lah menyebabkan banyak tersasar hidupnya perempuan² muda di-dalam negeri kita ini, terpaksa kadang² melachorkan diri untuk kehidupan anak²-nya yang kechil² itu. Juga terpaksa mereka merendahkan diri-nya kerana mereka tidak mempunyai 'ilmu pengetahuan yang chukup di-dalam soal ke-rumah-tanggaaan. Jadi, soal ini, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita sendiri mengatakan peri bahasa, "pemuda itu harapan bangsa" maka untuk pemuda sahaja-lah yang di-banyakkan soal pendidekan ini tetapi kerana tiang itu di-sangka tiang sahaja tidak perlu di-banyakkan memberi pendidekan yang sa-luas²-nya kepada anak² perempuan kita di-dalam negeri ini. Saya merasa sangat dukachita sa-kali dan saya merasa hairan tidak-kah Kerajaan kita sedar bahawa terdiri-nya Kerajaan Perikatan ini adalah oleh kerana tenaga kaum wanita sa-bahagian besar dalam pilihan raya tahun 1955, 70 peratus wanita-nya berduyun² keluar mengundi untuk menegakkan Kerajaan kita. Sa-patut-nya-lah Kerajaan kita juga mengambil berat tentang hal² kewajipan anak² perempuan di-dalam negeri ini.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana yang telah di-uchapkan oleh rakan saya Yang Berhormat dari Jitra soal gaji guru² perempuan. Ia-itu juga guru² perempuan menuntut supaya gaji-nya di-samakan dengan pehak guru² lelaki tetapi nampak-nya tidak mendapat sambutan. Ini juga alasan barangkali saya fikir kerana dari pehak kaum bapa merasa wanita itu lemah, merasa bahawa wanita itu tidak mempunyai tenaga yang chukup sebab itu-lah gaji-nya di-kechilkan dari pehak kaum bapa tetapi

Mr. Speaker: Saya hendak mengatakan, Jawatan-Kuasa yang di-angkat ini ada dia punya "terms of reference". Dalam "terms of reference" itu tidak ada di-sebutkan fasal gaji, tentu-lah Jawatan-Kuasa ini tidak boleh membuat dia punya Report fasal gaji. Jikalau Ahli Yang Berhormat baccha "terms of reference" Jawatan-Kuasa itu ia-itu pada chapter yang pertama, di-situ terang sa-kali tidak ada di-sebutkan fasal Jawatan-Kuasa membentok fasal ini. Jadi, saya fikir tidak payah di-chakapkan lagi fasal gaji.

Che' Khadijah binti Mohd. Sidik: Kalau begitu, Tuan Yang di-Pertua, berpaling saya kepada soal mewajibkan pelajaran bahasa Inggeris di-sekolah². Kalau salah sa-orang rakan saya Yang Berhormat mengatakan tadi bahawa "Bahasa Jiwa Bangsa". Memang saya merasa bangga kepada "Bahasa Jiwa Bangsa" ia-itu bahasa Melayu—bahasa Kebangsaan kita yang akan menjadi jiwa dan teras tiap² jiwa ra'ayat di-dalam negara kita ini, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi kalau sa-kira-nya bahasa Inggeris juga di-jadikan jiwa di-wajibkan bersama² dengan bahasa Kebangsaan ini di-dalam sekolah² Melayu maka saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, bahasa Inggeris ini-lah nanti yang akan menjadi jiwa bangsa anak² kita kerana menaikkan bahasa asing dan bahasa Inggeris ini akan lebeh kuat kapada anak² kita. Kita melihat di-sini sahaja, Tuan Yang di-Pertua, di-dalam Dewan ini kalau sa-kira-nya dari pehak Yang Berhormat² Menteri kita betul² mempunyai jiwa chintakan "Bahasa Jiwa Bangsa" maka tidak ada daripada Menteri² Yang Berhormat itu ia-itu yang terdiri daripada saudara² Yang Berhormat bangsa Melayu yang faseh dalam bahasa Melayu tidak mahu berbahasa Inggeris dalam Parlimen ini kerana kalau betul² mahu menjadi satu Bahasa Jiwa Bangsa maka sa-patut-nya Yang Berhormat itu mengeluarkan segala² penerangan dalam bahasa Melayu supaya terpaksa dari rakan² Yang Berhormat yang tidak mengerti bahasa Melayu itu memahamkan kerana mereka tiap² sa-orang mempunyai earphone di-sini.

Mr. Speaker: Saya hendak mengingatkan, bahasa kedua² itu boleh dipakai dalam Parlimen ini. Dia boleh suka apa juga bahasa yang dia hendak chakap.

Che' Khadijah binti Mohd. Sidik: Terima kaseh, Tuan Yang di-Pertua. Di-sekolah², saya rasa kalau sa-kira-nya bahasa Inggeris ini di-wajibkan maka anak² kita yang mahir dengan bahasa itu akan berchakap dengan bahasa Inggeris sahaja nanti. Dengan yang demikian bahasa Melayu itu akan menjadi bahasa yang kedua. Oleh sebab itu pada pendapatan saya bahasa Inggeris itu perlu di-wajibkan sa-bagai mata pelajaran tetapi tidak di-wajibkan sama dengan bahasa Kebangsaan ia-itu bahasa yang utama di-dalam negeri ini.

Dan berpaling saya kapada para 274 dalam soal guru². Di-sini di-katakan bahawa guru² keluaran dari Lower Certificate of Education mereka mendapat latehan, kerana selama 2 tahun sa-sudah itu mereka di-beri mengajar ka-sekolah rendah dari darjah I sampai darjah III, sedangkan dalam sekolah itu guru² Melayu yang keluaran dari Maktab Perempuan Melaka mithal-nya, mereka mempunyai pengalaman yang lebeh luas dalam bahasa Melayu, dan mereka sudah berpuluh² tahun mengajar dan mereka mengatakan ia-itu guru² yang baharu keluaran latehan ditaroh di-sini. Mereka ada yang dapat mengajar darjah I hingga darjah III sahaja sedangkan mereka yang lain itu gaji-nya lebeh besar daripada Kepala Sekolah keluaran daripada Maktab Melaka.

Jadi di-sini saya merasa itu sangat merendahkan kapada guru² Melayu yang telah mempunyai pengalaman² mengajar di-sekolah² itu, sedangkan guru² yang baharu itu baharu sahaja dan tidak mempunyai pengalaman yang luas, tetapi mereka mendapat gaji yang lebeh tinggi. Saya suka mengambil pandangan di-sini supaya dapat Kementerian kita memikirkan supaya kedudukan guru² yang keluar daripada Maktab Melaka itu agar mereka di-beri keutamaan juga yang lebeh baik daripada guru² yang baharu keluar daripada College Pulau Pinang itu.

Enche' Geh Chong Keat (Penang Utara): Mr. Speaker, Sir, when the Alliance faced the electorate last year, the following were some of the promises made by the Party to the people on the question of Education—and I quote from the Manifesto:

"To review the present Education Policy in the light of experience gained since its implementation, bearing in mind the declared objective of making Malay the National Language, while at the same time, encouraging and sustaining the growth of the languages and cultures of the other races.

To continue to give top priority to education in general.

To work towards a minimum school-leaving age of 15.

To continue re-orientating education to a national outlook."

These were the promises. The people endorsed this programme by giving their mandate to the Alliance to form the present Government with such an over-whelming majority in this House.

As it has always done, the Alliance Government has kept its promise to the electorate. Proof of this can be found in the Report of the Education Review Committee which is now before this House as Command Paper No. 26 of 1960, which is before us for our consideration.

I would like to take this opportunity to pay tribute to members of the Education Review Committee under the able leadership of my Honourable friend, the Minister of Education, for their excellent work which is consonant with the promise of the Alliance to give top priority to Education in this country. (*Applause*).

This is the time, Mr. Speaker, Sir, for all true Malaysians to show their undivided loyalty to this country. This is the moment for all true Malaysians to prove their sincerity. (AN HONOURABLE MEMBER: Hear, hear.) This is, indeed, the occasion for all patriotic Malaysians, of whatever racial origin, who genuinely believe in a united Malayan nation, to take their stand courageously in favour of what is fair, just and right for this country. (AN HONOURABLE MEMBER: Hear, hear).

I fully endorse the views of the Committee in connection with "the requirements of an education policy acceptable to the people as a whole". It can only

be a policy which is fair to all concerned, in particular to the pupils, our future citizens. It is not possible, within the framework of a policy which is truly national, to satisfy completely all the individual demands of each cultural and language group in the country.

There are, as we all know, extremists among the various groups. There are extremist Malays who would give no place at all to any other language but would insist on having Malay as the only language to be taught and used in this country. There are also some Chinese, who are equally extremist in their views, who would insist in making demands which would, in effect, repudiate our common desire and determination to make Malay the sole National Language of this country, as enshrined in the Constitution of the Persekutuan Tanah Melayu. (*Applause*).

In this connection I would like to raise one of the few points of criticism that I have against the Report of the Education Review Committee. It is in connection with the use of the word "*Kuo-Ye*" with reference to the Chinese language. "*Kuo-Ye*" is, of course, the Chinese word for "National Language". In China it is natural for the Chinese language—to be more specific, Mandarin—to be referred to as "*Kuo-Ye*", the National Language; and some of our Honourable Members pronounced it as "*Kuo-Yu*". It is wrong; it is "*Kuo-Ye*". As a matter of fact this term is no longer used in Malaya, even by the Chinese. Whenever the Chinese Press in this country write about "*Kuo-Ye*", they mean our National Language—the Malay Language. They now refer to the Chinese language as "*Wah-Ye*", which means "Chinese Language". This is symbolic of the general acceptance, among the vast majority of Chinese who are loyal Malaysians, of Malay as the National Language of this country.

